



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 11 TAHUN 1988

PINDAAN TARIKH KUATKUASA PELARASAN GAJI BAGI
PEGAWAI-PEGAWAI DALAM KUMPULAN C, B DAN A SEKTOR
AWAM DALAM PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1988

1. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah meluluskan tarikh kuatkuasa pelarasan gaji bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan C, B dan A serta yang setaraf dengannya seperti yang disiarkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1988 dipinda daripada 1 Januari 1989 kepada 1 Oktober 1988.
2. Selaras dengan pindaan ini maka tarikh kuatkuasa 1 Januari 1989 yang dinyatakan di perenggan 1 Pekeliling Perkhidmatan tersebut adalah dibatal dan digantikan dengan tarikh 1 Oktober 1988. Dengan berkuatkuasanya tarikh ini maka pegawai-pegawai adalah layak mendapat tunggakan gaji mengikut kelayakan masing-masing.
3. Sekiranya ada sebarang keraguan, penjelasan lanjut hendaklah diminta daripada Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Alwi Jantan'.

(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN),
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR

21 Disember, 1988.

s.k.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun.

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan.